

29 OCT 2003

Chan-Tioman

LAPANGAN TERBANG BARU TIOMAN SIAP DALAM TEMPOH DUA TAHUN

PULAU TIOMAN, 29 Okt (Bernama) -- Lapangan terbang baru di Pulau Tioman bernilai lebih RM100 juta yang akan lebih merangsang kegiatan pelancongan di pulau bebas cukai itu dijangka siap dibina dalam tempoh dua tahun.

Menteri Pengangkutan Datuk Seri Chan Kong Choy berkata, kerja-kerja pembinaan projek lapangan terbang itu yang terletak antara kampung Paya dan kampung Genting itu dijangka mula dilaksanakan awal tahun depan.

"Kerja-kerja pembinaan lapangan terbang itu dijangka mengambil masa 102 minggu dan pada masa ini kerajaan di peringkat akhir bagi meneliti kontraktor yang layak untuk projek yang bernilai RM130 hingga RM140 juta itu," katanya kepada pemberita selepas majlis upacara pecah tanah lapangan terbang baru itu di kampung Paya, di sini, hari ini.

Perasmian upacara itu disempurnakan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang dilakukan secara sidang video dari Putrajaya.

Turut hadir pada majlis itu di kampung Paya ialah Menteri Besar Pahang Datuk Seri Adnan Yaakob, manakala di Putrajaya turut dihadiri Menteri Kerja Raya Datuk S. Samy Vellu dan Menteri Kewangan Kedua Datuk Dr Jamaludin Jarjis.

Chan berkata pembinaan lapangan terbang itu juga akan mengambilkira kesan alam sekitar dengan meminimumkan kemusnahan kepada persekitarannya dan kerajaan akan memastikan kontraktor yang diberi projek itu mematuhi penilaian alam sekitar.

Katanya, seperti kata Dr Mahathir pada ucapan merasmikan upacara pecah tanah berkenaan, pembangunan di Pulau Tioman terpaksa mengorbankan sedikit keindahan semula jadinya demi kemudahan dan kemakmuran semua pihak termasuk penduduk di pulau itu.

Chan berkata lapangan terbang itu kelak akan dilengkapi dengan sistem dan kemudahan asas untuk pesawat B737 atau sekelasnya mendarat.

Terdahulu pada majlis berkenaan Dr Mahathir turut berinteraksi bersama Menteri Besar menerusi sidang video berkenaan.

Adnan ketika berucap menerusi sidang video itu turut mengucapkan penghargaan terima kasih kerajaan negeri Pahang atas komitmen Perdana Menteri yang memberi perhatian kepada pembangunan di pulau Tioman.

-- BERNAMA

MS BK